

# Program francais diperluas ke sekolah

KUALA LUMPUR 25 April - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan memperluaskan program francais di peringkat sekolah bagi menyemai minat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Mohd. Arif Abd. Rahman berkata, usaha menjalankan perniagaan francais melibatkan pelajar tersebut diharap dapat dimulakan tahun depan.

“Sekarang sektor kerajaan pun sukar mendapat pekerjaan jadi kita mahu memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk bekerja sendiri.

“Kita berharap dengan usaha ini dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja sendiri khususnya dalam bidang keusahawanan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) 2013 Peringkat Kebangsaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran dan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof.

Sementara itu, Mohd. Arif



**MOHD. Arif Abd. Rahman (tengah) meraikan para pemenang Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah 2013 di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR**

memberitahu, sambutan yang diterima kali ini amat menggalakkan apabila disertai oleh 977 buah se-

kolah menengah dari seluruh negara.

“CIP KPS adalah kesinambungan

daripada pertandingan Kuiz Pengguna Antara Sekolah Menengah yang diadakan sejak tahun 1992.

“Cabaran ini telah dimasukkan dalam kalendar tahunan Kementerian Pelajaran,” katanya.